



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 18 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p>KPWKM Komited Pastikan Kebajikan Anak-Anak OKU Terbela – Nancy</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-komited-pastikan-kebajikan-anak-anak-oku-terbela---nancy-496692</p> <p>https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2364263</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/17/women-039s-ministry-committed-to-look-after-welfare-of-children-with-disabilities-says-nancy</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1325014/kpwkm-komited-pastikan-kebajikan-anak-anak-oku-terbela-nancy#google_vignette</p> <p>https://selangorjournal.my/2024/11/kpwkm-committed-to-look-after-welfare-of-disabled-children-minister/#google_vignette</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/18/empowering-the-disabled</p> <p>https://www.thestartv.com/v/kpwkm-committed-to-safeguarding-welfare-of-children-with-disabilities-says-nancy</p> <p>https://gerbangpost.com/kpwkm-bertekad-untuk-memastikan-kebajikan-anak-anak-oku-dijaga-baik-nancy/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=FgyuDJhgY0I</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>The Star</p> <p>Berita Harian</p> <p>Selangor Journal</p> <p>The Star</p> <p>The Star</p> <p>Gerbang Post</p> <p>The Star</p>	Neutral

	<p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-komited-perkasa-oku-berilayanan-sama-rata</p> <p>https://headtopics.com/my/women-s-ministry-committed-to-look-after-welfare-of-62027682</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2364259</p> <p>https://seeni.my/article/kpwkm-komited-pastikan-kebijakan-anak-anak-oku-terbela-nancy-astro-awani-496692</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156050/kpwkm-komited-pastikan-kebijakan-kanak-kanak-oku-terbela</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Head Topics</p> <p>Bernamea</p> <p>Seeni</p> <p>Harian Metro</p>	
2.	<p>KPWKM Cadang Buka Kafeteen Di Kuching – Nancy</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-cadang-buka-kafeteen-di-kuching-nancy/#google_vignette</p> <p>https://suarasarawak.my/kpwkm-cadangan-tambah-kafeteen-di-sarawak/#google_vignette</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2364182</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2364181</p> <p>https://utusanarawak.com.my/satu-lagi-pusat-remaja-kafeteen-dicadang-dibuka-di-kuching-selepas-sri-aman-dan-long-bedian/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan Sarawak</p>	Neutral
3.	<p>Hari Keluarga Dijadikan Acara Wajib Setiap November – Nancy Shukri</p> <p>https://themalaysiapress.com/hari-keluarga-dijadikan-acara-wajib-setiap-november-nancy-shukri/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/11/17/sector-swasta-ngo-dan-komuniti-diseru-laksana-program-kesejahteraan-keluarga</p>	<p>The Malaysia Press</p> <p>Utusan Borneo</p>	Neutral

	<p>https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/ministries-agencies-to-make-the-national-family-month-a-success</p> <p>https://suarasarawak.my/hari-keluarga-perlu-dijadikan-acara-tahunan/#google_vignette</p> <p>https://malaysiabangkit.com/2024/11/16/kesejahteraan-keluarga-malaysia-terus-meningkat/</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Malaysia Bangkit</p>	
4.	<p>Muat Turun Sistem Infobencana JJM 3.0 ; Mudahkan Pendaftaran Di PPS</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=-zWjDaoRm84</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2363831</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aplikasi-sistem-infobencana-jkm-30-mudahkan-pendaftaran-pps-496522</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/15/download-infobencana-jkm-30-app-flood-prone-areas039-residents-told</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1155446/8417-pps-disediakan-kepada-mangsa-banjir-di-seluruh-negara</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mtl-jkm-selesai-edar-barangan-keperluan-ke-19-pangkalan-hadapan-di-jerantut</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Star</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
5.	<p>Budak 10 Tahun Dikhuatiri Lemas Terjatuh Bermain Di Longkang</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696881/berita/semasa/budak-10-tahun-dikhuatiri-lemas-terjatuh-bermain-di-longkang</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-lelaki-dipercayai-hanyut-selepas-terjatuh-dalam-longkang-besar/#google_vignette</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

	<p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/16/mayat-kanak-kanak-jatuh-longkang-ditemui/#google_vignette</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1324672/kanak-kanak-8-tahun-dikhuatiri-lemas-terjatuh-ke-dalam-longkang-besar</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1155504/kanak-kanak-hilang-tergelincir-tepi-longkang</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-8-tahun-ditemukan-lemas-di-tebing-sungai-danga-MJ13298015</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-lelaki-jatuh-longkang-ditemui-meninggal-dunia/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-lelaki-ditemukan-maut-di-tebing-sungai-danga</p> <p>https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-8-tahun-dikhuatiri-lemas-terjatuh-ke-dalam-longkang-besar/#google_vignette</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Berita RTM</p> <p>Melaka Hari Ini</p>	
6.	<p>Budimas Berjaya Kumpul RM400,000 Untuk Kanak-Kanak Kurang Bernasib Baik</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697053/berita/nasional/budimas-berjaya-kumpul-rm400000-untuk-kanak-kanak-kurang-bernasib-baik</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2364419</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
7.	<p>Saksi Lihat Kemalangan Babit Kanak-Kanak Diminta Tampil Bantu Siasatan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1155669/saksi-lihat-kemalangan-babit-kanak-kanak-diminta-tampil-bantu-siasatan</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/polis-minta-saksi-kemalangan-kanak-kanak-tanggung-basikal-tampil-bantu-siasatan/#google_vignette</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p>	Neutral

8.	<p>50 Bayi 'November' Di Pulau Pinang Terima Sumbangan PTPTN</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/15/50-bayi-november-di-pulau-pinang-terima-sumbangan-ptptn/</p>	Kosmo	Neutral
9.	<p>Wanita rugi lebih RM80,000 diperdaya 'kekasih Korea'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696910/berita/semasa/wanita-rugi-lebih-rm80000-diperdaya-kekasih-korea</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/726123</p> <p>https://www.melakahariini.my/wanita-rugi-lebih-rm20000-angkara-love-scam/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2364344</p> <p>https://suarasarawak.my/wanita-rugi-lebih-rm80000-diperdaya-kekasih-korea/#google_vignette</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/16/wanita-rugi-rm86841-diperdaya-kekasih-korea/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Bernamea</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
10.	<p>Mayat Wanita Tersangkut Pada Mata Pancing</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1324268/mayat-wanita-tersangkut-pada-mata-pancing</p>	Berita Harian	Neutral
11.	<p>Wanita Dikhuatiri Lemas Dihanyutkan Arus Di Sungai Air Beruk</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-dikhuatiri-lemas-dihanyutkan-arus-di-sungai-air-beruk/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1156173/pelampung-terlepas-wanita-hilang-dibawa-arus-sungai</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

12.	<p>Mayat Wanita Ditemukan Terapung Di Taiping</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/726120#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-wanita-ditemukan-terapung-di-lombong-496559</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/mayat-wanita-ditemukan-terapung-di-taiping-HJ13294650#google_vignette</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/16/mayat-wanita-terapung-di-lombong/</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
13.	<p>Dua Wanita Warga Asing Dicekup Ketika Layan Pelanggan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696815/berita/semasa/dua-wanita-warga-asing-dicekup-ketika-layan-pelanggan</p>	Sinar Harian	Neutral
14.	<p>Ibu Wanita Maut Dihempap Kontena Mahu Keadilan</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/16/ibu-wanita-maut-dihempap-kontena-mahu-keadilan/</p>	FMT	Neutral
15.	<p>Warga Emas Maut Jatuh Perigi</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/17/warga-emas-maut-jatuh-perigi/#google_vignette</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697028/berita/semasa/warga-emas-maut-jatuh-perigi-ketika-ambil-wuduk</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/17/ajal-warga-emas-jatuh-perigi-ketika-ambil-wuduk/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-maut-jatuh-perigi-ketika-ambil-wuduk-496686</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-maut-jatuh-perigi</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral

	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2364438 https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/warga-emas-ditemukan-lemas-jatuh-perigi-masa-ambil-wuduk/#google_vignette https://suarasarawak.my/warga-emas-maut-terjatuh-perigi-ketika-ambik-wuduk/	<p>Bernama</p> <p>Utusan</p> <p>Suara Sarawak</p>	
16	<p>Warga Emas Dikhuatiri Lemas Ketika Keluar Beli Makanan</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1325079/warga-emas-dikhuatiri-lemas-ketika-keluar-beli-makanan#google_vignette</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/11/1325235/operasi-cari-warga-emas-jatuh-sungai-diteruskan</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-dikhuatiri-lemas-tergelincir-di-dalam-sungai-pengkalan/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=2dRmL5w6-0g</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697077/berita/semasa/warga-emas-dikhuatiri-lemas-dipercayai-tergelincir-dalam-sungai</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/18/sar-warga-emas-hilang-31-jam-dikhuatiri-lemas-belum-ada-petunjuk/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
17.	<p>Warga Emas Kuala Pilah Diberi Pendedahan Mengenai Keselamatan Siber</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-kuala-pilah-diberi-pendedahan-mengenai-keselamatan-siber-496662</p>	<p>Astro Awani</p>	Neutral
18.	<p>Polis Kesan Lelaki Pukul OKU Di Dataran Shah Alam</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/726098</p>	<p>Malaysia Kini</p>	Neutral

<p>https://thesun.my/cerita/berita/polis-kesan-individu-pukul-lelaki-oku-di-dataran-shah-alam-OJ13293638</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/696829/berita/polis-kesan-individu-pukul-lelaki-oku-di-dataran-shah-alam</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/16/polis-buru-suspek-pukul-oku-mgflash/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1155522/kerana-salah-faham-lelaki-oku-dipukul-di-dataran-shah-alam</p>	<p>The Sun</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p>	
---	--	--

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM KOMITED PASTIKAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK OKU TERBELA – NANCY



Datuk Seri Nancy Shukri berkata kerajaan terus komited memastikan kebajikan anak-anak OKU terus terbela dan diberi layanan sama rata serta diperkasa melalui peruntukan Kementerian dalam Belanjawan 2025. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Penambahbaikan kebajikan anak-anak orang kurang upaya (OKU) dalam Belanjawan 2025 dengan memasukkan peruntukan untuk golongan autism meningkatkan komitmen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bagi memperjuangkan keperluan anak-anak OKU lain termasuk penyakit jarang jumpa.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata kerajaan terus komited memastikan kebajikan anak-anak OKU terus terbela dan diberi layanan sama rata serta diperkasa melalui peruntukan kementerian dalam Belanjawan 2025.

"Mereka perlu diberi perhatian dan juga dilayan dengan cara saksama, itu peranan kitalah... kalau lihat Belanjawan 2025, ia turut melibatkan (peruntukan) untuk golongan autism, kalau dahulu tidak ada.

"Jadi kita akan bincang bagaimana nak laksanakannya... tapi kita sangat gembira sekurang-kurangnya ada penambahbaikan berbanding dahulu. Insya-Allah mungkin kita akan melihat juga kepada keperluan bagi setiap penyakit termasuk penyakit jarang jumpa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelepasan Spastic Fun Run, sempena Larian Amal Tahunan Walk-Jog-Wheel-A-Thon ke-29 di sini hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Nancy berkata setakat 31 Okt ini, lebih 740,000 OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berbanding 633,653 pada 2023.

"Sukacita dimaklumkan bahawa semasa pembentangan Belanjawtn 2025, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan bagi pemberian Elaun Murid Berkeperluan Khas sebanyak RM150 sebulan dan ini memberi manfaat kepada lebih 100,000 pelajar OKU di seluruh Malaysia. Turut diumumkan RM5 juta bagi pembangunan Pusat Perkhidmatan Autisme di negara ini.

"Matlamat kita adalah mengekalkan angka ini dan mengumpulkan data yang lebih tepat. Saya ingin menggalakkan semua di sini membantu kami meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada setiap OKU untuk mendaftar dengan JKJ bagi memastikan tiada sesiapa ketinggalan terutama dalam mendapatkan bantuan," katanya.

Nancy berkata tahun ini, kementerian berkenaan telah meluluskan peruntukan lebih RM412,632 bagi menyokong komuniti spastik dan kurang upaya fizikal seluruh negara.

Pada program anjuran SCAS & FT itu, sejumlah 2,000 penyertaan diterima termasuk 300 peserta OKU melibatkan tiga kategori iaitu 2 kilometer (km); 5 km dan 10 km.

KPWKM CADANG BUKA KAFETEEN DI KUCHING – NANCY

LUNDU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang membuka Pusat Remaja KafeTEEN di Kuching dalam usaha meluaskan lagi ruang untuk golongan remaja di negeri itu terlibat dalam aktiviti yang bermanfaat.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata setakat ini di Sarawak, KafeTEEN sudah dibuka di Sri Aman dan Long Bedian yang berjaya menganjurkan banyak program yang mendapat sambutan remaja di kawasan berkenaan.

“Nampaknya kita perlu mewujudkan lebih banyak lagi (KafeTEEN) kerana ia memberi peluang kepada orang muda dan remaja untuk bergaul sesama mereka. Insya-Allah, di Kuching dahulu sebab kita mungkin ada pejabat baharu yang boleh dijadikan pusat tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Program Kem Kasih Keluarga dan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 peringkat Sarawak di Pantai Pugu di sini hari ini.

Nancy berkata di bawah program KafeTEEN, remaja diberikan peluang untuk berekspresi, melibatkan diri dalam aktiviti sosial, belajar serta berkongsi pengetahuan termasuk mengasah bakat keusahawanan.

“Dengan ruang dan aktiviti yang disediakan di pusat ini, remaja tidak perlu keluar ke tempat lain yang mungkin menimbulkan kebimbangan kepada ibu bapa. Mereka juga dapat menggunakan masa terluang selepas sekolah untuk aktiviti yang produktif,” katanya.

KPWKM memulakan program KafeTEEN sejak 2017 dengan tujuan menyediakan platform kepada remaja untuk berbincang, berkongsi pengalaman serta mendapatkan maklumat berkaitan isu-isu remaja seperti kesihatan mental, hubungan sosial, pendidikan dan pembangunan diri.

KafeTEEN juga berfungsi sebagai ruang untuk mereka berinteraksi dengan pakar dan individu yang berpengalaman dalam bidang tertentu.

Mengenai Program Kem Kasih Keluarga, Nancy berkata ia bertujuan untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan masyarakat, memupuk semangat kekeluargaan dan memperkukuhkan ikatan antara keluarga dan komuniti.

— BERNAMA

HARI KELUARGA DIJADIKAN ACARA WAJIB SETIAP NOVEMBER – NANCY SHUKRI



LUNDU – Setiap kementerian dan agensi kerajaan kini diwajibkan melaksanakan program Hari Keluarga setiap November sebagai sebahagian sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga disarankan mengambil langkah yang sama dalam usaha memperkukuh institusi kekeluargaan.

“Langkah ini bertujuan memastikan setiap organisasi memberi fokus kesejahteraan kakitangan mereka melalui aktiviti kekeluargaan,” ujar beliau.

Selain itu, ujar Nancy lagi, majikan yang melaksanakan program kekeluargaan layak mendapat pelepasan cukai yang merupakan insentif yang dapat menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada sektor korporat.

“Program yang dilaksanakan ini selaras dengan usaha kerajaan untuk mempromosikan nilai kasih sayang dan keharmonian berlandaskan prinsip Madani,” kata beliau ketika menghadiri Program Kem Kasih Keluarga dan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2024 peringkat Sarawak di Pantai Pugu pada Sabtu.

Sementara itu, Nancy memaklumkan pihak kerajaan memperuntukkan RM3.6 bilion dalam Belanjawan 2024 dalam usaha merealisasikan agenda pemerkasaan keluarga.

“Peruntukan ini akan digunakan untuk pelaksanaan program kesejahteraan keluarga secara menyeluruh dan inklusif di seluruh negara,” kata beliau lagi.

BUDAK 10 TAHUN DIKHUATIRI LEMAS TERJATUH BERMAIN DI LONGKANG

JOHOR BAHRU - [DIKEMAS KINI] Seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dikhuatiri lemas selepas dipercayai bermain di longkang semasa hujan di kawasan sebuah flat berhampiran Jalan Padi Mahsuri, Bandar Baru Uda di sini, pada petang Jumaat.

Pegawai Bomba Kanan I dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Larkin, Nordatul Badrol Abd Rahman berkata, seramai 12 anggota dikejarkan ke lokasi selepas panggilan berhubung kejadian diterima pada jam 3.37 petang.

"Kanak-kanak lelaki itu hilang ketika bermain di longkang pada waktu hujan.

"Kedalaman longkang kira-kira 3.9 meter dan lebar kira-kira 6.7 meter. Paras air ketika mangsa hilang adalah 2.43 meter," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, difahamkan, seramai tiga orang kanak-kanak bermain di tepi longkang itu sebelum seorang daripadanya tergelincir jatuh.

"Mangsa kemudian dibawa arus deras terus ke longkang besar. Maklumat awal kejadian ini disahkan oleh dua orang rakan mangsa yang ketika itu mengejar mangsa di atas tebing sebelum anggota tiba di lokasi.

"Pasukan keluarga operasi mengarahkan anggota membuat pencarian dengan kaedah (search surface) dari tempat bermulanya jatuh hingga ke Sungai Skudai, Kampung Usaha Jaya.

"Tindakan pencarian kedua dengan bantuan bot penduduk kampung untuk mencari di kawasan muara berdekatan perangkap sampah," katanya.

Menurut beliau, operasi mencari dan menyelamat (Op SAR) giat dijalankan bagi mengesan kanak-kanak berkenaan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara, Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh berkata, kejadian dipercayai berlaku sekitar jam 3.51 petang ketika mangsa bersama dua rakan lelaki berusia tujuh dan lapan tahun sedang bermain air di tepi longkang berhampiran lokasi.

"Pasukan polis Johor Bahru Utara telah membuka pos kawalan di tempat kejadian (PKTK) di lokasi kejadian dan kini giat menjalankan operasi pencarian bersama pasukan BBP serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APMM).

"Pihak polis meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kes ini agar menghubungi dan menyalurkan maklumat kepada pegawai penyiasat, Inspektor Helmy Halim di talian 012-5759953," katanya.

BUDIMAS BERJAYA KUMPUL RM400,000 UNTUK KANAK-KANAK KURANG BERNASIB BAIK



Pengerusi Yayasan Kebajikan Budimas, YM Tunku Datuk Yaacob Khyra (empat, kanan) bersama ahli Lembaga Pemegang Amanah Budimas yang menjadi tulang belakang kejayaan yaysan berkenaan dalam membantu golongan yang memerlukan.

KUALA LUMPUR – Yayasan Kebajikan Budimas (Budimas) mencatat kejayaan besar dalam 6th Annual Night of a Thousand Blessings yang diadakan di Hotel Pullman KLCC, Kuala Lumpur baru-baru ini, apabila berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM400,000.

Dana berkenaan akan digunakan untuk membantu kanak-kanak kurang bernasib baik, termasuk komuniti Orang Asli di Malaysia.

Acara amal tahunan yang berprestij ini dihadiri lebih 400 tetamu, termasuk rakan perniagaan, ahli komuniti dan penderma yang menyokong misi yayasan untuk memberi harapan dan masa depan yang lebih cerah kepada golongan kanak-kanak yang memerlukan.

Malam itu turut dimeriahkan oleh persembahan seni yang menginspirasi, termasuk koir dari Budimas Orion Home dan tarian tradisional yang menggambarkan warisan budaya Malaysia.

Pengerusi Yayasan Kebajikan Budimas, YM Tunku Datuk Yaacob Khyra, yang turut hadir sebagai tetamu kehormat, dalam ucapan pembukaannya menekankan bahawa acara ini bukan sekadar satu majlis makan malam sahaja, tetapi juga sebagai pengingat terhadap tanggungjawab bersama untuk membantu golongan yang paling rentan dalam masyarakat.

"Setiap ringgit yang dikumpulkan memberi harapan, kestabilan dan masa depan yang lebih cerah kepada kanak-kanak yang berhak untuk berjaya pada masa hadapan," katanya.

Selain Tunku Yaacob, majlis ini turut diserikan dengan kehadiran ahli Lembaga Pemegang Amanah Budimas, Ahli Lembaga Pengelola, penaja perniagaan, wakil media, serta kanak-kanak yang menerima manfaat daripada program-program yayasan.

Jelas beliau lagi, Budimas juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penaja utama acara ini yang telah menunjukkan sokongan padu, antaranya Sunway Medical Centre, Farm Fresh Malaysia, United U-Li, Hasani Group of Companies, Gleneagles Hospital Kuala Lumpur, MAA Group dan Mydin Mohamed Holdings.

Menurutnya, kerjasama mereka memainkan peranan penting dalam membantu yayasan mencapai misi untuk memberi manfaat kepada lebih ramai kanak-kanak di Malaysia.

"Sokongan ini sangat berharga, dan setiap sumbangan, besar atau kecil, memberi impak yang besar kepada kanak-kanak yang memerlukan," tambah Tunku Yaacob.

Inisiatif Yayasan Kebajikan Budimas

Sejak penubuhannya, Budimas telah melaksanakan beberapa program yang memberi impak besar kepada kehidupan kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Budimas Home Charity Fund (BHCF)

Program ini memberi bantuan kewangan kepada lebih 50 rumah kebajikan kanak-kanak di seluruh Malaysia, menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif kepada lebih 2,000 kanak-kanak yang kehilangan tempat tinggal atau ditinggalkan.

Budimas Food Charity Fund (BFCF)

Inisiatif ini menyediakan makanan harian kepada kanak-kanak yang memerlukan, kini menjangkau lebih 5,000 pelajar di 160 sekolah, termasuk di Sabah. Budimas juga berhasrat untuk menambah 1,000 kanak-kanak lagi pada tahun depan.

Budimas Education Charity Fund (BECF)

Sejak 2015, Budimas telah membina 12 perpustakaan di komuniti Orang Asli, dengan lebih 6,000 buku dan peralatan digital disediakan. Budimas berhasrat untuk menambah 12 lagi perpustakaan pada tahun 2025 untuk meningkatkan akses pendidikan kepada kanak-kanak pribumi.

Pada tahun 2024, Yayasan berkenaan memperkenalkan dua program baharu yang bertujuan untuk memperkukuh lagi komitmen mereka terhadap pembangunan kanak-kanak secara menyeluruh:

Budimas Children Medical Care Fund (BCMCF)

Program ini bertujuan untuk menyediakan pembedahan percuma dan rawatan perubatan penting kepada kanak-kanak yang mengalami penyakit kritikal. Budimas bekerjasama dengan Gleneagles Kuala Lumpur dan beberapa institusi perubatan lain untuk menjalankan inisiatif ini.

Budimas Performing Arts Fund (BPAF)

Program ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengembangkan ekspresi diri dan keyakinan melalui seni persembahan, seperti muzik, tarian dan persembahan tradisional. Program ini juga bertujuan untuk memelihara warisan budaya Malaysia.

Majlis yang penuh inspirasi

6th Annual Night of a Thousand Blessings itu bukan hanya penuh dengan ucapan yang menginspirasi, tetapi juga dengan persembahan seni yang menghiburkan. Persembahan koir dari Budimas Orion Home, gendang, dan tarian tradisional menambah meriah suasana.

Tunku Yaacob (dua, kiri) dan Pegawai Eksekutif Budimas, Anne Rajasaikaran menerima replika cek sumbangan daripada salah satu penderma.

Tunku Yaacob (dua, kiri) dan Pegawai Eksekutif Budimas, Anne Rajasaikaran menerima replika cek sumbangan daripada salah satu penderma.

Selain itu, majlis ini turut diadakan lelongan barangan berharga yang disumbangkan oleh para tetamu untuk membantu mengumpul dana bagi menyokong misi yayasan.

Sementara itu, Pegawai Eksekutif Budimas, Anne Rajasaikaran dalam ucapannya menyatakan rasa terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan padu.

"Dengan sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada penderma dan rakan kongsi kami, kami kini dapat membantu lebih 10,000 kanak-kanak setiap tahun melalui program-program kami.

"Misi kami berterusan, dan setiap sumbangan membawa kami lebih dekat untuk memastikan tiada kanak-kanak di Malaysia yang hilang harapan," ujarnya dengan penuh semangat.

Dalam masa sama, Budimas menyeru orang ramai, syarikat, dan komuniti untuk terus menyokong usaha mereka dalam memastikan masa depan yang lebih cerah untuk kanak-kanak kurang bernasib baik di Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai cara untuk menyumbang atau bekerjasama dengan Budimas, orang ramai boleh melayari www.budimas.org atau menghubungi 03-12345678.

WANITA RUGI LEBIH RM80,000 DIPERDAYA 'KEKASIH KOREA'

SIBU - Seorang wanita tempatan berusia lingkungan 30-an kerugian RM86,841 selepas menjadi mangsa penipuan cinta lelaki warga Korea yang dikenali menerusi sebuah aplikasi pada Jun lepas.

Ketua Polis Daerah Sibu, Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili berkata, dalam laporan polis pada Khamis, pekerja swasta berkenaan memaklumkan pada 19 Jun lepas suspek telah berjanji akan bertemu dengannya selepas permohonan visa suspek diluluskan.

"Pada awal Julai lepas, suspek memberitahu mangsa bahawa dia telah membuat beberapa penghantaran barang kepada mangsa namun barang berkenaan ditahan pihak kastam Indonesia sebelum transit ke Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Zulkipli berkata, selepas berhubung dengan seorang individu yang menyamar sebagai pegawai kastam pada 25 Julai, mangsa diminta untuk membuat beberapa pembayaran bagi mendapatkan sijil perlepasan supaya barangan berkenaan dihantar ke Malaysia.

Mangsa membuat 25 transaksi pindahan wang ke lapan akaun tempatan berjumlah RM86,841 sebelum berasa ragu-ragu dan menyedari dirinya ditipu apabila masih diminta untuk membuat pelbagai pembayaran. Suspek juga tidak dapat dihubungi mangsa selepas itu.

"Pihak polis telah membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.